

24/05/2002

Korea diminta sokong cadangan persidangan tentukan takrif keganasan

SEOUL, Khamis - Malaysia meminta Korea Selatan menyokong cadangannya supaya diadakan segera satu persidangan antarabangsa mengenai isu keganasan bagi menentukan takrifnya yang sebenar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata persidangan itu penting bagi membolehkan isu berkenaan dibincangkan secara menyeluruh bagi mengenal pasti cara terbaik menyelesaikan dan menghapuskannya.

Berucap pada jamuan negara yang diberikan oleh Presiden Kim Dae-Jung di Rumah Biru untuk meraikannya sini, malam ini, Dr Mahathir berkata, terdapat keperluan segera bagi definisi yang jelas mengenai keganasan kerana ia akan membolehkan dibuat perbezaan antara pejuang kebebasan tulen dengan mereka yang berniat jahat serta berjuang semata-mata kerana digerakkan rasa tidak puas hati.

"Dalam hubungan ini, Malaysia sekali lagi meminta supaya satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan diadakan segera.

"Malaysia berharap Republik Korea boleh membantu menyuarakan dan menyokong persidangan seumpama itu supaya perkara itu dapat dibincangkan secara menyeluruh bagi mendapatkan cara terbaik untuk menyelesaikan dan menghapuskannya," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun usaha memerangi keganasan adalah satu keutamaan kepada semua negara, tetapi ia tidak seharusnya dikembangkan bagi meliputi agenda lain.

Perdana Menteri juga menyatakan pentingnya negara Asia Timur bekerjasama dan melakukan perubahan terhadap rangka kerja kewangan antarabangsa bagi memastikan negara di rantau ini dapat menangani berkesan cabaran globalisasi dan pengaliran dana tidak menentu.

Dr Mahathir juga melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Korea kerana menyokong Dasar Pandang Ke Timur yang diamalkan oleh Malaysia, yakin Korea akan menerima lebih ramai rakyat Malaysia memasuki universitinya.

"Dasar Pandang Ke Timur adalah komponen amat penting dalam hubungan kami dengan Republik Korea," katanya.

Perdana Menteri yang tiba semalam bagi lawatan rasmi tiga hari ini ke negara ini, pada sebelah pagi meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan.

Beliau kemudiannya mengadakan perbincangan dengan Presiden Kim Dae Jung di Rumah Biru, diikuti dengan rundingan peringkat delegasi.

Pada sebelah tengah hari beliau mengadakan perjumpaan dengan ahli perniagaan Korea Selatan, di samping menyaksikan majlis menandatangani tujuh memorandum persefahaman antara syarikat dan institusi Malaysia dengan Korea Selatan.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri melawat Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Hyundai Motor di Gyeonggi-do.

Esok, Dr Mahathir dan rombongan akan melawat LG Chemical Investment dan Satellite Technology Research Centre Initiative (SaTReCi rpt SaTReCi), kedua-duanya di Daejon sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Lapangan Terbang Antarabangsa Chongju dengan jet eksekutif pada sebelah tengah hari.

(END)